

PM ketuai penerima pingat Terengganu

um - 15/7/2005

KUALA TERENGGANU 14 Julai – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengetuai penerima anugerah Bintang Darjah Kebesaran Negeri Terengganu sempena ulang tahun ke-43 Hari Keputeraan Sultan Terengganu yang akan disambut 20 Julai ini.

Perdana Menteri dikurniakan anugerah tertinggi Darjah Kebesaran Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih iaitu Darjah Seri Utama Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu (SUMZ) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama.

Sultan Mizan menganugerahkan bintang kebesaran itu kepada Abdullah di Istana Badariah di sini hari ini.

Penerima-penerima lain akan menerima anugerah masing-masing pada Istiadat Penghadapan di Istana Maziah di sini pada Rabu depan.

Turut hadir pada majlis hari ini ialah Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh, kerabat-kerabat diraja, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Muhatar Abdullah, beberapa timbalan menteri serta anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.



ABDULLAH Ahmad Badawi menerima Darjah Seri Utama Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu (SUMZ) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama daripada Sultan Mizan sempena ulang tahun ke-43 Hari Keputeraan baginda yang akan disambut 20 Julai ini, di Kuala Terengganu semalam.